

Banjir jejas persiapan

MIC hulur bantuan, akan bincang dengan JPS bagi mengatasi masalah tersebut

DENGKIL - MIC Bahagian Sepang bakal mengadakan perjumpaan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sepang bagi membincangkan masalah banjir di beberapa kawasan yang terlibat.

Ketuanya, V Gunalan berkata, masalah banjir yang berlaku di kawasan itu memberi kesan kepada beberapa perkara termasuk sistem perparitan yang tersumbat dan cerun-cerun bukit yang berdepan dengan hakisan.

Menurutnya, beliau menerima maklumat bahawa isu banjir di kawasan itu sering menjadi topik hangat penduduk memandangkan terdapat beberapa kawasan terpaksa dipindahkan.

"Saya faham banjir yang berlaku menjelang sesi persekolahan baru-baru ini menyebabkan beberapa keluarga terpaksa menunda penyediaan kelengkapan sekolah anak-anak mereka.

"MIC bersimpati dengan nasib yang menimpa mereka dan hari ini (semalam) kira-kira 30 keluarga menerima wang ihsan daripada Presiden MIC bagi meringankan beban dan melegakan hati mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Gunalan berkata, beliau turut menafikan dakwaan



Mohan (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir sambil diperhatikan Gunalan (tengah).

“ Saya faham banjir yang berlaku menjelang sesi persekolahan baru-baru ini menyebabkan beberapa keluarga terpaksa menunda penyediaan kelengkapan sekolah anak-anak mereka.” - V.Gunalan

sesetengah pihak yang menyebut mangsa-mangsa banjir terbahit tidak dibantu.

Katanya, pelbagai pihak turun padang memberi bantuan termasuk memindahkan mangsa banjir ke sebuah balai raya berhampiran.

"Mangsa banjir di Kampung Ampar Tenang dan Kampung Chinchang itu sebenarnya telah mendapat perhatian yang sewajarnya sehingga ke hari ini.

"Saya faham jika ada yang tercicir, mungkin mereka mendapat bantuan lain tapi bukannya tak dibantu langsung," katanya.

Dalam pada itu, Gunalan memaklumkan bahawa pihak yang bertanggungjawab telah melaksanakan pemantauan di kawasan yang terlibat selain memohon pemantauan berterusan dapat dilakukan di kawasan berisiko banjir walaupun hujan tidak ter-

lalu lebat.

Katanya, tindakan susulan penting bagi membantu melihat punca masalah yang berlaku dapat diselesaikan.

Turut hadir menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir ialah Ahli Majlis Tertinggi MIC, V S Mohan.

Sebelum ini, beberapa kawasan di sekitar Sepang dilanda banjir sehingga menyebabkan keluarga yang terjejas dipindahkan ke kawasan penempatan banjir.

Namun, pelbagai pihak telah turun padang membantu menyalurkan bantuan termasuk bekalan makanan, pakaian dan wang tunai.